



SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA KE QATAR DAN ARAB SAUDI PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA SEKTOR INDUSTRI LANDSKAP DAN PERUMAHAN

JEDDAH, 12 Oktober 2023 - YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengetuai Misi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan Industri Landskap ke Qatar dan Arab Saudi bermula 7 hingga 12 Oktober 2023.

Menurut YB Akmal, “Misi ini bertujuan untuk menggalakkan pelaburan dan perdagangan khususnya daripada negara Qatar dan Arab Saudi dalam industri landskap Malaysia.

Beliau menambah, “Fokus kedua-dua negara yang sedang rancak mengetengahkan landskap sebagai salah satu komponen utama dalam projek pembangunan secara besar-besaran telah membuka ruang buat pemain industri landskap Malaysia untuk bersama-sama memenuhi keperluan perancangan pembangunan di Qatar dan Arab Saudi. Ia seterusnya akan mengembangkan industri landskap tempatan di persada dunia kerana produk landskap yang dihasilkan di Malaysia berupa tumbuhan tropikal yang sangat unik.”

Nilai dagangan dunia tumbuhan hiasan bagi Malaysia adalah 0.53 peratus di mana Malaysia merupakan pengeksport kelima terbesar di Asia dengan nilai eksport sebanyak RM588 juta. Jumlah ini mampu untuk terus melonjak dengan penumpuan fokus terhadap pengantarabangsaan produk-produk landskap Malaysia serta penerokaan pasaran baru di Qatar dan Arab Saudi.

Sewaktu lawatan kerja YB Timbalan Menteri KPKT ke Qatar, satu pertemuan bersama His Excellency Dr. Abdullah bin Abdul Aziz bin Turki Al Subaei, Menteri Kerajaan Tempatan Qatar telah diadakan bagi membincangkan kerjasama dua hala negara. Pertemuan ini

membincangkan tentang kesediaan industri landskap Malaysia untuk memberi nilai tambah terhadap perancangan pembangunan mega di negara Qatar. Selain itu, YB Timbalan Menteri turut serta dalam *The International Horticultural Exhibition Expo 2023 Doha* bersama-sama pemain industri tempatan dan sesi padanan perniagaan (*business matching*) yang diterajui oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan bantuan daripada Kedutaan Malaysia dan MATRADE.

Lima syarikat berasaskan landskap Malaysia turut menyertai misi ini dengan sesi padanan perniagaan (*business matching*) berjaya dilaksanakan terhadap empat belas (14) syarikat tempatan di Qatar. Ini termasuk syarikat pemajuan pembangunan (*property developers and holdings*), penyedia perkhidmatan pembuatan landskap dan kontraktor serta *Qatar Chamber of Commerce and Industries*.

Bagi lawatan kerja YB Timbalan Menteri KPKT ke Arab Saudi pula, beliau telah melakukan pertemuan dengan rakan sejawatnya iaitu His Excellency Eng. Abdullah bin Mohammed Al-Budair, Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan, Luar Bandar dan Perumahan Arab Saudi.

Dalam pertemuan tersebut, YB Timbalan Menteri telah menyatakan kesediaan untuk membantu Kerajaan Arab Saudi mencapai sasaran drastik dalam *Saudi Green Initiatives melalui Vision 2030* iaitu sebanyak 10 bilion pokok di Arab Saudi disasar akan ditanam menjelang tahun 2030. Oleh itu, kepakaran syarikat-syarikat landskap Malaysia dalam menyediakan produk dan perkhidmatan landskap diyakini mampu membantu hasrat ini tercapai. Selain itu, Malaysia juga bersedia turut membantu dalam pembangunan projek mega Arab Saudi seperti NEOM yang bernilai USD 500 bilion dan *Red Sea Project* melalui penghasilan produk landskap tempatan.

Dalam pertemuan tersebut, perbincangan intipati cadangan memeterai satu Memorandum Persefahaman (MOU) sektor perumahan juga telah diadakan bagi mengukuhkan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Arab Saudi yang akan memberi fokus terhadap nilai tambah kepada status semasa ekosistem perumahan di Malaysia. Memorandum Persefahaman itu dijangka akan dimeterai pada awal tahun 2024.

Selain pertemuan YB Timbalan Menteri dengan rakan sejawat, sesi padanan perniagaan (*business matching*) juga diadakan bersama 39 buah syarikat dan pemain industri negara Arab Saudi yang merupakan pemaju hartanah utama, syarikat pengimport produk

tumbuhan landskap dan kontraktor dengan tujuh syarikat berasaskan landskap Malaysia menyertai misi ini.

Usaha berfokus bagi memenuhi pasaran dan permintaan di kedua-dua buah negara ini sangat penting sebagai hala tuju yang jelas untuk terus merancakkan industri landskap di Malaysia.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

